

11/12/1998

Sektor awam perlu elak kerenah birokrasi

KUALA LUMPUR, Khamis - Sektor awam perlu mengamalkan kelonggaran dan keanjalan bagi membantu sektor swasta mengatasi cabaran pasaran serta mengukuhkan ketahanan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata langkah yang digariskan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara memerlukan tindakan susulan segera yang berkesan oleh sektor awam di samping proses membuat keputusan yang tidak dibendung karenah birokrasi.

Katanya, jabatan dan agensi kerajaan semakin diperlukan untuk membantu sektor swasta mengatasi masalah yang timbul akibat kegawatan ekonomi yang dihadapi negara.

"Masa kegawatan memerlukan semangat persyarikatan Malaysia yang tinggi dengan sektor awam memastikan supaya suasana persekitaran dalam mana sektor swasta beroperasi mendorong pengurangan kos dan peningkatan kecekapan dan daya saing.

"Dalam keadaan yang memerlukan, sektor awam perlu mengadakan fleksibiliti atau kelonggaran yang dapat membantu sektor swasta mengatasi cabaran pasaran serta memperkukuhkan ketahanan mereka.

"Di samping itu, perlu dikesan dengan rapi perjalanan ekonomi negara pada semua peringkat supaya pengubahsuaian segera kepada dasar, peraturan dan amalan dapat dilakukan," katanya ketika berucap di majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998 sempena 'Simposium Antarabangsa mengenai Amalan Terbaik Kerajaan Elektronik' di sini, hari ini.

Rafidah mewakili Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi menyampaikan ucapan dan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1998.

Pada tahun ini, Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi sektor awam dimenangi Majlis Perbandaran Kuantan; sektor swasta dimenangi Subang Jaya Medical Center Sdn Bhd dan sektor sosio-ekonomi diraih Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya Bhd (KKUM).

Selain itu, Rafidah turut mencadangkan supaya Unit Pemodenan Tadbiran Awam (Mampu) mengkaji kemungkinan memperkenalkan satu kategori khas penerima anugerah bagi sektor Teknologi Maklumat (IT) pada masa akan datang kerana ia semakin penting.

Katanya, pemenang kategori itu wajar dinilai dari segi pencapaian yang tinggi dalam penggunaan IT dalam kegiatan dan operasi utama mereka dan kejayaan membangunkan sistem dan program teknologi maklumat secara mendalam yang boleh diterima pakai dan dicontohi oleh agensi awam lain.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata Anugerah Kualiti Perdana Menteri ialah pengiktirafan tertinggi kepada tiga organisasi iaitu sektor awam, swasta dan sosio-ekonomi yang mencapai tahap pengurusan kualiti paling cemerlang sepanjang tahun ini.

Pada tahun ini, sebanyak 63 organisasi telah memohon dipertimbangkan bagi anugerah berkenaan.

Mengenai perkhidmatan awam, Abdul Halim berkata, semua pegawai kerajaan mesti memahami dan mengetahui segala dasar negara supaya mereka dapat memberi penjelasan yang benar dan jelas kepada rakyat.

Katanya, ketika ini, negara menghadapi kegawatan ekonomi. Justeru, semua pihak mesti membantu usaha memulihkan keyakinan dan memperbetulkan tanggapan negatif dengan memberi penjelasan sebenar.

(END)